

20 SEP 2001

Amerika-Sokongan

AS GEMBIRA DENGAN SOKONGAN YANG DIBERIKAN OLEH MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Amerika Syarikat (AS) "amat gembira" dengan sokongan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia kepadanya selepas kejadian serangan di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon, Washington pada 11 Sept lalu.

Pegawai penerangan kedutaan besar AS di sini, Frank Whitaker dalam jawapan ringkasnya kepada Bernama hari ini berkata AS amat gembira terutama dengan tahap sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh polis.

Whitaker ditanya samada pihak berkuasa Malaysia telah memberikan kerjasama penuh kepada AS berhubung laporan media bahawa ada antara perampas kapalterbang yang melanggar WTC dan Pentagon itu pernah dilihat di Malaysia.

Serangan di WTC dan Pentagon itu dianggarkan menyebabkan kematian lebih 5,600 orang dengan kira-kira 2,000 mangsa yang berasal dari 64 buah negara termasuk empat rakyat Malaysia.

Washington telah menuduh jutawan Arab Saudi, Osama bin Laden yang menjadi "tetamu" kerajaan Afghanistan pimpinan Taliban terlibat dengan kejadian itu dan mengancam untuk bertindak balas.

Para pemimpin negara, parti politik dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan telah mengecam serangan itu dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan kepada Presiden George W.Bush berkata beliau amat sedih dan terperanjat dengan kejadian serangan itu.

"Konsisten dengan polisi kami yang menentang segala bentuk keganasan, Malaysia menyertai negara-negara lain mengutuk kejadian dasyat itu," Dr Mahathir dipetik berkata dalam perutusannya.

Malaysia turut menawarkan bantuan kemanusiaan disamping kesediaan menghantar pasukan Smart bagi membantu usaha menyelamatkan.

Mengenai pengesahan oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai bahawa memang ada antara mereka yang disyaki itu berada di Malaysia sebagai pelawat sebelum kejadian serangan itu, Whitaker berkata: "Kami tidak boleh mengulas perkara berhubung risikan."

Majalah Newsweek dalam keluaran 24 Sept memetik sumber sebagai berkata bahawa perisik AS mempunyai rakaman gambar video salah seorang perampas, Khalid al-Midhar yang diawasi di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

ES ES MOZ